

Newspaper

Berita Harian

Date

26 January 2016



“

Tun Razak berjaya menyatukan tenaga pegawai jabatan kerajaan yang berkaitan dengan kemajuan luar bandar dari peringkat kementerian hingga daerah sebagai satu pasukan berwibawa dan mempunyai satu tujuan iaitu untuk memajukan kawasan luar bandar”

“

Penerapan integriti yang diterajui Tun Razak dalam perkhidmatan awam berjaya membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar”



Memberi kata semangat kepada kontinjen Malaysia sebelum berlepas menyertai Sukan Olimpik Tokyo 1964.

1961, menunjukkan kepintaran Tun Razak untuk meningkatkan mutu jentera perkhidmatan awam pada peringkat daerah, negeri dan negara.

Dengan itu, jelas Tun Razak berjaya memperkenalkan satu lagi pendekatan bagi menerapkan integriti dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam.

Segala maklumat berhubung status kemajuan rancangan pembangunan yang dipaparkan dalam Bilik Gerakan dan perjumpaan serta perbincangan yang diadakan di bilik itu, di antara pegawai pelaksana, ketua jabatan serta menteri berkaitan telah memberi rangsangan kepada pegawai pelaksana untuk memahami dan mengkaji serta menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab.

Buku Merah yang mengandungi pelan rancangan teratur menjadi

panduan dan melatih pegawai untuk mengesan kemajuan dan kelewatan pelaksanaan sesuatu rancangan pembangunan. Sistem ini melatih pegawai pelaksana yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti. Mereka terpaksa ‘turun padang’ bagi mendapatkan maklumat terperinci kemajuan projek pembangunan dan keperluan penduduk sebelum mengisi Buku Merah.

Amal dasar turun padang

Tun Razak sendiri menjadi contoh dan inspirasi kepada semua pegawai dengan cara mengamalkan dasar turun padang untuk berjumpa, berdialog bersama penduduk setempat. Penerapan integriti yang diterajui Tun Razak dalam jentera perkhidmatan awam memungkinkan rancangan pembangunan luar bandar berjaya dilaksanakan dengan lebih cepat daripada jadual ditetapkan.

Ini terbukti apabila jentera perkhidmatan awam berjaya menyiapkan beberapa projek bagi kepentingan penduduk luar bandar sehingga pertengahan tahun 1961. Pendek kata, penerapan integriti yang diterajui Tun Razak dalam perkhidmatan awam berjaya membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Ketika negara bergerak pantas dalam menggerakkan pembangunan dan pertumbuhan, pendekatan Tun Razak dalam memperkukuhkan budaya berintegriti dalam perkhidmatan awam, malah dalam kalangan rakyat jelata masih relevan untuk diamalkan dalam kehidupan pada hari ini.



Penulis

ialah Timbalan Pengarah Penyelaras Program Institusi Agama Institut Integriti Malaysia, Kuala Lumpur